

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Astro Awani Online

TARIKH : Jumaat, 20 Mac 2020



KLWBC 2020: Jadikan Perintah Kawalan Pergerakan tempoh membaca

Zainal Rashid Ahmad Zainal Rashid Ahmad merupakan wartawan dan penulis sastera.
📅 Mac 20, 2020 11:06 MYT



Jadikan cuti PKP sebagai detik terbaik bersama keluarga dan memulakan budaya membaca di rumah. - Gambar hiasan

TIGA PULUH TIGA hari menjelang sambutan Perasmian Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC) 2020 - kita dikejutkan dengan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Arahan kerajaan yang berkuatkuasa mulai 18 sehingga 31 Mac itu merujuk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

PKP dilaksanakan sebagai langkah mengawal penularan mendadak COVID-19 sepanjang minggu lalu.

Berdasarkan laporan statistik, 190 kes baru dilaporkan pada 15 Mac, 16 Mac (125

kes), 17 Mac (120 kes), 18 Mac (117 kes) dan 19 Mac (110 kes sehingga 12 tengahari).

Secara keseluruhan sehingga 19 Mac, 900 kes disahkan positif COVID-19 dengan 20 kes dirawat di wad kritikal.

Peningkatan berganda angka jangkitan sejak lima hari lalu menunjukkan gelombang jangkitan meluas. Angka meningkat mendadak berbanding 11 minggu pertama. Ini bukan fenomena di Malaysia sahaja.

Di Eropah, krisis COVID-19 turut mengalami penularan mendadak dan mengorbankan lebih 3,000 nyawa dalam tempoh dua minggu. Itali mencatatkan 2,503 kes kematian. Angka jangkitan pula 31,506. Negara kedua paling teruk selepas China. Sepanyol mengalami 13,700 kes jangkitan dengan lebih 600 kematian.

COVID-19 turut diisytiharkan sebagai darurat kesihatan global. Hampir 200 ribu kes jangkitan dilaporkan dengan angka korban melebihi 7,000 nyawa.

Itali, Sepanyol dan Perancis mengalami suasana kucar-kacir dan mengisytiharkan 'lockdown'. Manakala Iran berada pada tahap kelam-kabut menangani jumlah korban COVID-19 yang melangkaui 1,135 nyawa dan 17,361 pesakit.

Penularan pusingan kedua yang bermula pada awal Mac menjadikan Eropah kini pusat utama penyebaran wabak. Keadaan Eropah kini seteruk China pada penghujung Disember tahun lalu ketika wabak ini mula dikesan.

Venice, Madrid dan Paris/Alsace kini menjadi Wuhan dan Hubei ketika COVID-19 mula dikesan tiga bulan lalu.

COVID-19 memberikan impak terhadap semua perkara terutama keselamatan sosial, bekalan makanan dan perubatan serta menjejaskan ekonomi global. PKP yang diumumkan kerajaan pada 16 Mac dan dikuatkuasa pada 18 Mac lalu kini mencetuskan persoalan mengenai status pelbagai acara rasmi negara.

Dalam konteks KLB 2020, memandangkan 23 April sudah sangat hampir - apakah statusnya?

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaku hos dijangka membuat pengumuman rasmi. Sudah pasti setelah merujuk pada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Pendidikan selaku penganjur bersama.

Apapun, kita boleh menjangkakan COVID-19 diramal akan terus kritikal dalam tempoh tiga sehingga enam bulan lagi.

Bukan sahaja KLB 2020 terjejas, malah seluruh dunia kini meneliti semula status acara-acara utama.

Kesatuan Bolasepak Eropah (UEFA) pada Selasa lalu mengumumkan, Euro 2020 - kejohanan paling berprestij di benua Eropah - ditunda.

Selain 55 negara anggota UEFA, kesemua 12 bandar raya hos Piala Eropah 2020

bersetuju kejohanan 24 negara itu ditunda sehingga Jun 2021.

COVID-19 satu krisis global. Di negara kita, PKP kini memasuki hari ketiga.

Mengisi PKP dengan budaya membaca

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melancarkan kempen 'Sila Duduk Di Rumah Dan Baca Buku'.

Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) pula mempromosi 'Lima Buku Cerita Pendek' yang boleh dibaca semasa PKP.

Dua kempen ini relevan dan pantas. Dijalankan sebaik sahaja kerajaan mengumumkan PKP. Kempen PNM dan ITBM langkah bijak; pilihan meredakan kegelisahan awam dan menyediakan idea kepada masyarakat untuk mengisi waktu di rumah sepanjang PKP.

Cuma, utamakan bacaan yang mampu meningkatkan IQ. Jangan habiskan masa dengan bahan popular dan membaca gosip artis.

Jadikan 14 hari PKP sebagai detik ilmiah. Bukan *period* yang menakutkan. Jauhi diri daripada terlibat dengan penggosip sensasi yang terus menyebarkan maklumat palsu atau separa matang di media sosial.

Menyebarkan khabar angin dan menikmati adrenalin dengan menguar-uarkan ketakutan tidak akan membantu usaha meningkatkan kualiti IQ. Media sosial selalunya akan menyeret anda bergelumbang dengan penggosip sensasi. Budaya IQ rendah sentiasa meluas di media sosial dan anehnya ia kekal popular.

Pengguna media sosial lebih gemar berada dalam persekitaran 'adrenalin diburu rasa takut'. Mengapa?

Jawabnya mudah: media sosial meraikan budaya cakap lepas yang tidak memerlukan radius IQ. Abaikan kebergantungan hidup pada media sosial. Apa lagi ketika berdepan keadaan yang memerlukan anda menjarakkan diri daripada penggosip dan spekulator digital.

Secara kajian, rakyat Malaysia menghabiskan masa selama enam jam di atas talian dengan komited selama tiga jam sehari di media sosial. 80 peratus rakyat Malaysia adalah warga maya. Terdapat 28 juta pengikut Facebook dan 11 juta pengguna Instagram. Angka yang menjadikan Malaysia antara negara maju maya.

Jadikan 14 hari PKP pemula budaya baharu

Mulai sekarang, dalam tempoh bertenang selama 14 hari ini - mulakan budaya perpustakaan di rumah anda.

Ikuti budaya IQ yang dibangunkan Khalifah Harun Al Rasyid (766-809) ialah Khalifah Kelima Bani Abbasiyah. Si pintar ini bergelar khalifah pada 786 Masehi ketika berusia 20 tahun.

Selepas empat khalifah Urasyiddin (Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali), nama Harun Al Rasyid dianggap khalifah paling hebat dalam sejarah Islam.

Harun Al Rasyid ialah khalifah yang memulakan sejarah perpustakaan dalam empayar Islam. Anak kelahiran al Rayy (Iran) ini bertanggungjawab dalam membangunkan dunia cendekiawan.

Peluasan ilmu dalam konsep perpustakaan awam Baitul Hikmah berjaya melahirkan para cendekia Islam yang mempengaruhi peradaban dan tamadun dunia. Antaranya Al Biruni, Ibnu Batuta, Al Farabi, Al Khawarizmi, Al Khindi, Ibnu Haitam, Ibnu Sina dan Al Ghazali.

Khalifah Harun Al Rasyid meneruskan amalan Rasulullah SAW dalam membina tamadun ilmu sebagai teras peradaban Islam. Harun Al Rasyid yakin, kekuatan Islam pada era dakwahnya wajar berkembang dengan meluaskan budaya keilmuan - penulisan dan pembacaan.

Atas kesedaran itu, khalifah hebat ini membina perpustakaan Baitul Hikmah di Baghdad pada abad kelapan.

Malaysia mundur membaca

Ketika minat membaca rakyat Malaysia hanya sekitar 1.7 muka surat sehari - serta gangguan mentaliti akibat pengaruh gosip dan sensasi media sosial - pengukuhan budaya membaca adalah pilihan terbaik.

Negarawan hebat seperti Tun Dr Mahathir Mohamad tetap aktif membaca pada usia 90-an. Pada Disember 2018, Dr Mahathir berkongsi di Instagram mengenai cuti pendek hujung tahun yang digunakan untuk membaca.

Dr Mahathir membaca novel *best seller* *A Street Cat Name Bob* karya James Bowen. Ia mengejutkan. Manakan tidak - negarawan yang sibuk mentadbir negara masih berusaha meluangkan masa membaca. Malah, memilih buku biografi yang unik. Kisah seekor kucing jalanan yang mengubah kehidupan seorang penagih dadah dan pemuzik gelandangan.

Bila kali terakhir anda membaca buku berkualiti? Paling tidak buku yang anda fikir berjaya meningkatkan IQ dan memberikan pengalaman pembacaan yang berguna. Pasti ada - cuma barangkali hanya sebuah dua?

Tidak mengapa, jadikan cuti PKP sebagai detik terbaik bersama keluarga dan memulakan budaya membaca di rumah. Cerdikkan IQ. Kalau tidak, jenuh anda akan dibuli dalam persekitaran gosip sensasi media sosial.

IQ anda tidak akan meningkat dengan dengan menyibukkan diri bersama penggosip media sosial yang sibuk mencetuskan rasa panik masyarakat. Anda pasti tidak mahu menjadi orang bodoh di media sosial.

Ayuh, segera tingkatkan IQ anda. Mulakan sekarang. Jadikan tempoh PKP sebagai detik meraikan kebangkitan pustaka minda melalui budaya membaca.